

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah definisi rogol yang ditetapkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574, seksyen 376) akan diperluaskan bagi merangkumi pencabulan kehormatan seseorang dengan menggunakan bahagian badan atau objek selain daripada zakar.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu kajian yang komprehensif sedang dijalankan oleh Jabatan Peguam Negara untuk memperluas tafsiran "rogol" dalam seksyen 376 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan tafsiran "objek" dalam seksyen 377CA Kanun Keseksaan bagi merangkumi pencabulan kehormatan seseorang yang menggunakan bahagian badan atau objek selain zakar.

Sekian, terima kasih.